

## AHMAD IBRAHIM (1916-1999) DAN SUDIRMAN ARSHAD (1954-1992): IKON PERPADUAN NEGARA DALAM BIDANG PERUNDANGAN DAN SENI PERSEMBAHAN

(AHMAD IBRAHIM (1916-1999) AND SUDIRMAN ARSHAD (1954-1992):  
NATIONAL SOLIDARITY ICONS IN LAW AND ENTERTAINMENT)

**Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah**  
harizshah@siswa.um.edu.my

**Ahmad Hidayat Buang**  
ahidayat@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Received: 1st June 2022; Accepted: 29th September 2022; Published: 29th October 2022

### **Abstract**

*Ahmad Ibrahim was a prominent scholar in the legal arena, whereas Sudirman Arshad was a famous entertainer in the performing arts scene. Their presence was vital to forming and renewing the legal and entertainment landscapes in Malaysia. Their influence was evident in the 1970s and 1980s through the changes they introduced in their respective fields. Hence, this paper aimed to explore their background, thought processes, contributions, achievements, impact and legacy, and the point where their careers would converge. The study utilised a qualitative approach through a literary review of primary and secondary sources. Findings suggest that the thoughts and contributions of these two men left a significant impact on society, inter alia, Ahmad Ibrahim's efforts towards the harmonisation of syariah and civil laws while Sudirman Arshad united people from all walks of life in Malaysia through his works. Furthermore, their contributions were complementary in integrating and unifying the plural society in Malaysia, transcending different tribes, races and religions to live harmoniously and in solidarity.*

**Keywords:** Ahmad Ibrahim, Sudirman Arshad, Malaysia, icons, solidarity

### **Abstrak**

Ahmad Ibrahim merupakan tokoh tersohor dalam bidang perundangan, manakala Sudirman Arshad pula merupakan penghibur terkenal dalam bidang seni persembahan. Kemunculan kedua-dua figura ini sangat penting kepada pembentukan dan pembaharuan landskap perundangan dan seni persembahan di Malaysia yang dinamik. Pengaruh figura ini dapat dilihat dengan jelas pada

era 1970-an dan 1980-an melalui reformasi yang dilakukan dalam bidang masing-masing. Kajian ini membincangkan tentang latar belakang, pemikiran, sumbangan, pencapaian, impak, legasi dan titik temu antara kedua-dua tokoh ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan dokumentasi daripada pelbagai sumber primer serta sekunder. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran dan sumbangan kedua-dua tokoh ini memberi impak yang signifikan dalam bidang perundangan dan seni persembahan kepada masyarakat. Tokoh Ahmad Ibrahim didapati telah melakukan pengharmonian antara undang-undang sivil dengan syariah dan Sudirman Arshad pula meninggalkan warisan yang tersendiri melalui pelbagai karya yang diketengahkan mencakupi segenap tema kehidupan masyarakat di Malaysia. Sumbangan kedua-dua tokoh ini dapat didapati saling melengkapi dalam mengintegrasikan dan menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama supaya dapat hidup dalam keadaan harmoni dan tidak terasing antara satu sama lain.

**Kata kunci:** Ahmad Ibrahim, Sudirman Arshad, Malaysia, ikon perpaduan negara

## Pendahuluan

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan kehidupan masyarakat majmuk.<sup>1</sup> Meskipun Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan Islam merupakan agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan damai<sup>2</sup> tanpa sebarang masalah selagi doktrin atau kepercayaan agama mereka tidak disebarluaskan dalam kalangan orang yang menganut agama Islam.<sup>3</sup> Konteks bernegara Malaysia terkenal dengan kepelbagaiannya, iaitu Malaysia tidak mengamalkan asimilasi tetapi menjaga sensitiviti agama yang begitu tinggi.<sup>4</sup> Berbeza dengan negara-negara lain, perpaduan pelbagai golongan etnik dan agama berasaskan ideologi atau falsafah tertentu seperti sekularisme dan nasionalisme, asas perhubungan kaum di Malaysia merujuk kepada hak-hak seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>5</sup> Situasi ini bermakna setiap rakyat harus saling menghormati antara satu sama lain biarpun berbeza ras, bangsa dan agama. Namun, beberapa isu kontroversi yang berlaku dalam negara seperti kes kematian anggota bomba dalam insiden rusuhan di sebuah kuil di Subang Jaya,<sup>6</sup> isu pengenalan tulisan Jawi di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)<sup>7</sup>, isu pemasangan Jalur

<sup>1</sup> Peletz, M. G. (2002). *Islamic modern: Religious courts and cultural politics in Malaysia*. Princeton: Princeton University Press.

<sup>2</sup> Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan

<sup>3</sup> Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan

<sup>4</sup> Shamrahayu, A. A. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

<sup>5</sup> Nazri, M. & Ahmad Hidayat, B. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 10(2), 115-129.

<sup>6</sup> Khairil Anwar, M. A. (2019, September 27). Jangan jadikan keputusan Inkues Adib isu perkauman: TPM. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/49614/KHAS/Inkues-Adib/Jangan-jadikan-keputusan-Inkues-Adib-isu-perkauman-TPM> pada 8 September 2020.

<sup>7</sup> Haika, K. (2019, Ogos 14). Pengenalan Jawi kekal. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/596203/pengenalan-jawi-kekala> pada 8 September 2020.

Gemilang secara terbalik<sup>8</sup> dan beberapa isu lain yang berlaku mutakhir ini didapati merengangkan semangat perpaduan yang telah dibina selama ini sekali gus mencetuskan api perkauman sesama rakyat.

Kajian ini tidak membincangkan isu-isu kontroversi tersebut secara lebih lanjut, tetapi mengetengahkan dua ikon perpaduan negara yang telah menyatupadukan rakyat melalui pemikiran dan sumbangan mereka dalam bidang masing-masing. Kajian-kajian tentang perbandingan antara tokoh akademik telah banyak dilakukan seperti perbandingan antara Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim (Ahmad Ibrahim) dengan Al-Sanhuri<sup>9</sup> dan Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar.<sup>10</sup> Penulisan ini akan membuat perbandingan antara Ahmad Ibrahim dengan seorang tokoh prolifik dalam bidang seni persembahan, iaitu Datuk Sudirman Arshad (Sudirman). Titik temu awal antara Ahmad Ibrahim dengan Sudirman ialah kedua-keduanya berlatarbelakangkan lulusan undang-undang sivil dan merupakan alumni Universiti Malaya (UM). Ahmad Ibrahim pernah menjawat jawatan Dekan dan Profesor di Fakulti Undang-Undang (1972-1983), manakala Sudirman pula merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di fakulti yang sama (1976-1980). Ahmad Ibrahim juga pernah terlibat dalam beberapa Jawatankuasa Penasihat Program seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila terdapat cadangan untuk merangka program syariah dan undang-undang.<sup>11</sup> Sudirman pula pernah mengadakan persembahan di UKM pada tahun 1985 walaupun mendapat tentangan daripada Persatuan Mahasiswa UKM.<sup>12</sup> Kedua-dua tokoh ini juga menjalani kehidupan dan membina karier semasa era pentadbiran Perdana Menteri Malaysia ketiga, iaitu Tun Hussein Onn (1922-1990) yang dikenali sebagai Bapa Perpaduan Negara<sup>13</sup> dan telah berkhidmat dari tahun 1976-1981. Seperti Tun Hussein Onn yang amat ikhlas dalam perjuangan untuk mencapai perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di Malaysia pasca tragedi 13 Mei 1969, kedua-dua ikon perpaduan ini juga telah memberikan jasa yang besar terhadap negara melalui bidang masing-masing. Ahmad Ibrahim berjasa dalam perundungan, manakala Sudirman pula dalam arena seni persembahan.

<sup>8</sup> Zulhisham, I. (2020, Ogos 10). Bendera Malaysia terbalik: Tiada lagi permohonan maaf selepas ini. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/96033/EDISI/Johor/Bendera-Malaysia-terbalik-Tiada-lagi-permohonan-maaf-selepas-ini> pada 8 September 2020.

<sup>9</sup> Zainuddin, J. (2007, Ogos 21-22). Championing the reassertion of the Shari'ah in modern time – Comparing Ahmad Ibrahim with 'Abdur Razzaq Al-Sanhuri of Egypt. Kertas Kerja Prosiding Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah. Hilton Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

<sup>10</sup> Aemy Elyani, M. Z., Nik Md Saiful Azizi, N. A., 'Aisyah, A. & Nooranissa, R. (2019, Oktober 22). *Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim dan Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar: Kajian konseptual terhadap profil dan sumbangan tokoh*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 Ke-3. Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.


<sup>11</sup> Zulkifli, H. (2007). Ahmad Ibrahim (1916-1999) *Sumbangan dan pemikirannya di dalam sistem perbankan Islam di Malaysia*, 9. Diambil daripada <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/microsoft-word-ahmad-ibrahim-dan-bank.pdf> pada 8 September 2020.

<sup>12</sup><https://www.facebook.com/Sudirman.Hj.Arshad/posts/sudirman-tercabar-di-ukm-jika-tidak-kerana-campur-tangan-perdana-menteri-datuk-s/1475250595895593/>. Dicapai pada 8 September 2020.

<sup>13</sup> Allahyarham Dato' Sir Hussein Onn, Bapa Perpaduan Malaysia. (2020, Januari 26). *The Malaya Post*. Diambil daripada <https://www.themalayapost.my/allahyarham-dato-sir-hussein-onn-bapa-perpaduan-malaysia/> pada 10 Mac 2021.

Tragedi berdarah 13 Mei 1969 sememangnya merenggangkan hubungan antara kaum di Malaysia sehingga memaksa kerajaan mengisytiharkan darurat pada 16 Mei 1969.<sup>14</sup> Rentetan peristiwa rusuhan kaum tersebut, Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan pada tahun 1970 untuk menstruktur semula masyarakat dari sudut ekonomi.<sup>15</sup> Langkah-langkah berterusan untuk merapatkan kembali hubungan sesama masyarakat turut dilakukan dalam pelbagai bidang dan sektor selain ekonomi. Legasi kedua-dua ikon perpaduan ini juga diteruskan sehingga era pemerintahan Perdana Menteri Malaysia keempat, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad (pada masa itu Dato' Seri) yang mula menjawat jawatan tersebut pada tahun 1981 sekali gus menggantikan Tun Hussein Onn disebabkan masalah kesihatan yang dihadapinya.<sup>16</sup> Semasa era Tun Dr Mahathir Mohamad, sumbangan Ahmad Ibrahim dan Sudirman dalam aspek perpaduan amat terserlah dan signifikan sehingga merubah landskap perundangan dan seni persembahan negara. Ahmad Ibrahim telah memperkenalkan pengintegrasian pengajian undang-undang sivil dan syariah menerusi penubuhan Fakulti Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1983. Sudirman Arshad pula telah mengadakan konsert percuma secara besar-besaran yang telah dihadiri seramai 100,000 penonton tanpa mengira agama, kaum dan bangsa di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur pada tahun 1986.

### Ikon Pertama: Ahmad Ibrahim (1916-1999)



Rajah 1: Foto Ahmad Ibrahim (1916-1999)  
(Sumber foto: *Malaysian Legal Essays*).

<sup>14</sup> Madiha Abdullah (2020, Oktober 24). Enam darurat yang pernah diisyiharkan di Malaysia. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-darurat-yang-pernah-diisyiharkan-di-malaysia-265115> pada 27 September 2022.

<sup>15</sup> Mahani Zainal Abidin. 2008. Pembangunan keseimbangan dengan Dasar Ekonomi Baru di Malaysia. *ISIS*. Diambil daripada [https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2008/03/390\\_MAZ\\_Kompass\\_220907.pdf](https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2008/03/390_MAZ_Kompass_220907.pdf) pada 27 September 2022.

<sup>16</sup> Mahathir Mohamad. (2012). *Doktor umum*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

Rajah 1 menunjukkan foto Ahmad Ibrahim (1916-1999). Pada tahun 1988, sebuah buku telah ditulis sebagai lambang penghormatan dan tanda kasih mantan pelajar Ahmad Ibrahim, iaitu *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim*. Terdapat juga sebuah buku biografi yang ditulis khas berjudul *Permata Pengislahan Perundangan Islam: Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim* (2007). Terbaharu, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menerbitkan sebuah buku berjudul *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan Ilmiah* (2020). Memetik kata-kata Ahmad Ibrahim sendiri melalui tulisannya dalam buku *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (1997), iaitu “Segala usaha hendaklah dibuat untuk meningkatkan pentadbiran hukum syarak di mahkamah syariah supaya hukum syarak dapat diterima sebagai undang-undang yang adil dan saksama oleh bukan sahaja orang-orang Islam, akan tetapi oleh semua orang di Malaysia”.<sup>17</sup>

Ahmad Ibrahim dilahirkan pada 15 Mei 1916 di Singapura. Pada masa itu, terdapat sistem langkau darjah dan beliau telah dua kali melangkau darjah di *Victoria Bridge School* dan *Raffles Institution*, Singapura. Pada tahun 1931, beliau telah menduduki peperiksaan *Junior Cambridge* dan lulus ketika berumur 14 tahun. Sewaktu berusia 15 tahun, beliau telah lulus peperiksaan *Senior Cambridge* dengan Kepujian seterusnya menyambung pelajaran di Universiti London dan lulus dengan mendapat Ijazah BA pada tahun 1935 serta dianugerahkan *Queens Scholarship* untuk meneruskan pengajian di *St. John's College*, Cambridge. Pada tahun 1939, beliau telah mendapat Ijazah Kepujian Kelas Pertama dalam *Economics Tripos* dan *Law Tripos* serta lulus dengan Ijazah BA. Beliau juga telah memenangi Hadiah George Long (*George Long Prize*) bagi kursus *Roman Law* di Universiti Cambridge.<sup>18</sup>

Pada tahun 1941, beliau telah mengambil peperiksaan *Bar Final* di Singapura dan lulus dengan cemerlang serta dianugerahkan dengan *Certificate of Honour*. Beliau diterima menjadi peguam oleh *Middle Temple* tanpa hadir. Disebabkan tempoh latihan beliau terganggu kerana Perang Dunia Kedua, maka beliau masih belum diterima menjadi peguam di Malaya. Namun, beliau diletakkan di bawah Hakim Nogi yang pada masa itu menjadi Ketua Jabatan Undang-Undang Jepun di Singapura. Beliau kemudiannya ditukarkan menjadi kerani kepada Hakim Raja Musa, Hakim Mahkamah Tinggi. Selepas itu, beliau dilantik sebagai pembantu di Jabatan Kehakiman Singapura. Setelah perang tamat, beliau telah dilantik sebagai majistret pada tahun 1946 dan sebagai Hakim Daerah pada tahun 1947. Ahmad Ibrahim merupakan orang pertama yang diterima sebagai peguam bela dan peguam cara di Singapura setelah Inggeris kembali memerintah pulau tersebut.<sup>19</sup> Pada tahun 1948, beliau menjadi pensyarah di *Raffles College*. Antara tahun 1949-1955 beliau menjadi peguam di syarikat swasta dan dilantik menjadi Pesuruhjaya Majlis Perbandaran Singapura dan Ahli Dewan Undangan Singapura ketika dalam perkhidmatan. Pada tahun 1955, beliau kembali berkhidmat dengan kerajaan Singapura dan

<sup>17</sup> Ahmad, M. I. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 60.

<sup>18</sup> Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya. (1988). *Makalah undang-undang menghormati Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, xvii-xviii.

<sup>19</sup> Ibid. xviii-xix.

dilantik menjadi Hakim Mahkamah Daerah. Pada tahun 1956, beliau ditukarkan ke Jabatan Peguam Negara dan dinaikkan pangkat sebagai *Senior Crown Counsel* pada bulan Mei 1957. Apabila Singapura mendapat taraf berkerajaan sendiri pada tahun 1959, beliau dilantik sebagai *State Advocate-General* dan kemudian dilantik sebagai Peguam Negara Singapura yang pertama apabila Singapura berpisah dari Malaysia pada 16 September 1963. Jawatan tersebut dipegang sehingga tahun 1967 apabila kemudiannya beliau dilantik menjadi Duta Singapura ke Mesir sehingga tahun 1968.<sup>20</sup> Setelah berkhidmat di Singapura, beliau kemudiannya berhijrah dan berkhidmat untuk kerajaan Malaysia dalam bidang perundangan. Ahmad Ibrahim telah dilantik sebagai Profesor Pengajian Undang-Undang di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (1969-1972), Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (1972-1983), Profesor Emeritus, Universiti Malaya (1984) dan Syeikh dan Dekan Kulliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (1983-1999).

### Gelaran dan Personaliti

Selain diberi jolokan sebagai “Bapa Perundangan Negara” atau “Bapa Undang-undang Malaysia”<sup>21</sup>, Ahmad Ibrahim turut digelar sebagai “*Lord Denning Shariah*” malahan lebih unggul berbanding *Lord Denning*<sup>22</sup> kerana kelebihan-kelebihan yang dimiliki Ahmad Ibrahim itu sendiri tidak dimiliki oleh *Lord Denning*.<sup>23</sup> Beliau juga disifatkan oleh Tan Sri Harun Hashim sebagai “*Allah's chosen servant*” atas peribadinya yang sentiasa bekerja, menjaga masa dan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan taraf Mahkamah Syariah di Malaysia.<sup>24</sup> Dalam soal penampilan dan fizikal pula, Ahmad Ibrahim memiliki tubuh yang tegap dan tinggi semasa muda. Beliau sentiasa berpakaian kemas dan mengenakan tali leher. Beliau sentiasa bersongkok, sama ada semasa menjalankan tugas rasmi atau tidak bertugas.<sup>25</sup>

Ahmad Ibrahim merupakan seorang yang sangat menjaga masa. Disebabkan sikapnya itu dan ditambah lagi dengan kesibukan beliau, setiap orang yang membuat janji temu dengannya perlu sentiasa mematuhi masa yang telah ditetapkan. Jika terlewat, mereka tidak dapat bertemu dengan beliau atau terpaksa menundanya ke tarikh yang lain. Sikap ini sangat difahami kerana beliau menghormati orang lain yang mematuhi masa.<sup>26</sup> Selain itu, beliau juga dikenali sebagai seorang yang amat teliti dalam sebarang pekerjaan yang dilakukan sama ada ketika membuat

<sup>20</sup> Ibid. xix.

<sup>21</sup> Anne, M. (2014, Oktober 17). Tribute kepada pejuang kes Natrah. *MalaysiaKini*. Diambil daripada <https://www.malaysiakini.com/news/277864> pada 10 Mac 2021.

<sup>22</sup> Lord Denning (1989-1999) merupakan seorang hakim dan peguam yang hebat dan terkenal di United Kingdom. Mantan Perdana Menteri United Kingdom, Tony Blair menyifatkan beliau sebagai “salah seorang insan yang hebat di zamannya.” Rujuk Burrell, I. (2011, Oktober 23). Lord Denning, the century’s greatest judge, dies at 100. *Independent*. Diambil daripada <https://www.independent.co.uk/news/lord-denning-the-centurys-greatest-judge-dies-at-100-1078587.html> pada 10 April 2020.

<sup>23</sup> Abdul Monir, Y., Mahamad, A., Najibah, M. Z. & Siti Shamsiah, M. S. (2007). *Permata pengislahan perundangan Islam: Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd., 151.

<sup>24</sup> Ibid. 4.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Ibid. 21.

keputusan ataupun dalam penulisan. Sebarang draf surat atau artikel yang diserahkan kepadanya akan diteliti dan dicadangkan pembetulan termasuklah aspek tatabahasa. Dalam penulisan pula, beliau tidak keberatan untuk belajar dan bertanya tentang sesuatu perkara yang beliau tidak pasti kepada sesiapa sahaja sekiranya mendapat terdapat fakta yang meragukan terutamanya yang berkaitan dengan syariah. Beberapa individu yang sentiasa menjadi tempat rujukan beliau ketika di UIAM, iaitu Profesor Dr. Mahmud Saedon Awang Othman dan Dr. Abdullah Abu Bakar.<sup>27</sup>

Satu lagi keistimewaan dan keunikan yang dimiliki Ahmad Ibrahim ialah beliau mempunyai kereta tetapi tidak mempunyai lesen memandu dan tidak pernah memandu. Nik Abdul Rashid mengulas hal ini dengan berkata; "Ahmad Ibrahim adalah seorang yang unik. Kalauolah kita membuat suatu andaian bahawa semua orang yang memiliki kereta pasti boleh memandu, maka andaian ini adalah salah bagi Ahmad Ibrahim".<sup>28</sup> Beliau mempunyai pemandu peribadi dan khidmat pemandu digunakan untuk tujuan-tujuan peribadi. Beliau tahu membezakan antara urusan rasmi dengan urusan peribadi, walaupun peraturan membenarkan beliau menggunakan kenderaan rasmi untuk tujuan peribadi. Pemandu yang disediakan oleh pihak universiti hanya digunakan untuk membawa beliau bertugas di kulliyyah, hal-hal dan majlis-majlis rasmi.<sup>29</sup>

## Pemikiran dan Sumbangan

Ahmad Ibrahim merupakan individu pertama mempelopori program akademik yang menggabungkan elemen undang-undang sivil dan syariah.<sup>30</sup> Pemikirannya jelas dilihat terhadap idea penubuhan Fakulti Undang-Undang pertama di Malaysia di UM pada tahun 1972. Beliau juga menjadi orang pertama yang memperkenalkan kursus Undang-Undang Islam di universiti tersebut.<sup>31</sup> Ketika di UM, beliau membuka peluang kepada graduan syariah dari UKM untuk melanjutkan pengajian Pasca Ijazah Undang-Undang, iaitu Sarjana Undang-Undang Perbandingan. Tujuannya supaya lulusan syariah mempunyai pengetahuan dalam bidang Undang-Undang Sivil agar kedudukan mereka tidak menjadi lebih rendah berbanding lulusan Undang-Undang Sivil. Hasilnya, ramai daripada lulusan Ijazah Sarjana ini telah menjadi tenaga pengajar Undang-Undang Perbandingan di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.<sup>32</sup> Di UM juga, beliau mengusahakan penerbitan *Journal of Malaysian and Comparative Law* (JMCL) pada tahun 1974 yang menjadi platform kepada penulisan akademik undang-undang dan menerbitkan edisi pertama *Survey of Malaysia Law* (1978). Beliau turut menjadi penyumbang utama bagi makalah-makalah yang dimuatkan dalam jurnal itu.<sup>33</sup> Selain itu, beliau juga menjadi

<sup>27</sup> Ibid. 23-4.

<sup>28</sup> Nik Abdul Rashid, N. A. M. (1988). Pengenalan: Ahmad Ibrahim. *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim*, xxiii.

<sup>29</sup> Abdul Monir et al. (2007).

<sup>30</sup> Zulkifli. (2007).

<sup>31</sup> Ibid. 73.

<sup>32</sup> Ibid. 75.

<sup>33</sup> Ibid.

penasihat editorial bagi *Malayan Law Journal*, Kanun, *IIUM Law Journal*, *IKIM Law Journal* dan banyak lagi.<sup>34</sup>

Visi Ahmad Ibrahim untuk memberi fokus terhadap proses harmonisasi antara undang-undang syariah dengan sivil dapat dilihat dengan tertubuhnya Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), UIAM. AIKOL ditubuhkan bagi melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran dalam kedua-dua undang-undang tersebut<sup>35</sup> Penubuhan UIAM telah menjadi penggerak sebenar proses Islamisasi dan pengukuhan semula syariah. Menurut Zainuddin Jaffar, Ahmad Ibrahim secara peribadi menyatakan kepada beliau bahawa salah satu perkara yang paling berharga semasa hayatnya ialah dengan kelahiran sebuah universiti bersifat Islamik; sesuatu yang telah lama ditunggu-tunggu.<sup>36</sup> Ahmad Ibrahim merupakan salah seorang ahli jawatankuasa perintis bagi penubuhan Kolej Islam Malaya (1949) yang membawa kepada pembentukan institusi tersebut pada tahun 1955. Institusi tersebut merupakan asas bagi sebuah universiti Islamik yang telah dirancang dalam sebuah persidangan Pendidikan Islam pada tahun 1962. Hasilnya, Kolej Islam Malaya telah melahirkan tokoh utama semasa penubuhan UIAM tiga dekad selepas itu seperti Profesor Dr. Razali Nawawi, Profesor Dr. Mahmud Saedon Awang Othman dan ramai lagi.<sup>37</sup> Mengambil kira keadaan dan realiti semasa di Malaysia, iaitu situasi mahkamah sivil telah lama beroperasi, Ahmad Ibrahim merangka struktur pengajian yang merapatkan jurang pemisahan antara pentadbiran undang-undang sivil dan syariah supaya lulusan undang-undang dari negara Barat dan lulusan pengajian Islam dan syariah dari negara Arab tidak terpisah akibat sistem tradisi perundangan yang diamalkan. Selain penggabungan undang-undang sivil dan syariah di UM, UKM dan UIAM, Majlis Peguam Malaysia (MPM) telah mengadakan kerjasama dengan Pusat Undang-Undang Harun Hashim, UIAM untuk menawarkan program Diploma Eksekutif Undang-Undang Islam (DEUI) kepada orang awam tanpa mengira agama dan kepercayaan.<sup>38</sup> Situasi ini membuktikan bahawa pemikiran Ahmad Ibrahim dalam mengintegrasikan undang-undang sivil dan syariah di Malaysia dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dan agama supaya keharmonian dan kefahaman dapat dicapai. Pemikiran beliau dalam mengutamakan masyarakat tempatan juga dapat dilihat melalui ideanya ke arah pembentukan *Common Law* Malaysia, iaitu undang-undang (i) seperti yang ditadbirkan atau diputuskan oleh mahkamah atas di Malaysia; (ii) agama, adat atau undang-undang kelaziman yang diikuti oleh kaum atau bangsa yang berkenaan di Malaysia; dan (iii) prinsip undang-undang.<sup>39</sup> Jelaslah, Ahmad Ibrahim mengutamakan agama, adat dan budaya masyarakat Malaysia dalam membentuk sistem perundangan yang harmoni dan dinamik.

<sup>34</sup> Aemy Elyani et al. (2019). p.398.

<sup>35</sup> Mohamed Azam, M. A. (2018). *Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Khayalan atau realiti?* Nilai: ILHAM Books, 3-4.

<sup>36</sup> Zainuddin. (2007). 212.

<sup>37</sup> Ibid. 213.

<sup>38</sup> Mohd. Badrol, A. (2011). Ahmad Ibrahim dan reformasi pengajian undang-undang Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 23(1), 40-60.

<sup>39</sup> Ahmad, I. (1989). Common Law di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 1(1), 3-25.

Selama lebih kurang tiga puluh tahun, kecemerlangan luar biasa Ahmad Ibrahim dapat dilihat dalam kesemua bidang yang diceburinya seperti perundangan, kehakiman dan akademik.<sup>40</sup> Menurut Abdul Monir Yaacob (2005), tidak ramai ahli akademik yang berjaya menghasilkan karya dalam bidang perundangan sivil dan syariah secara bersepada. Ahmad Ibrahim merupakan tokoh akademik ulung yang mampu menguasai kedua-dua bidang perundangan ini dan telah berjaya menghasilkan banyak penulisan sama ada dalam bentuk buku, artikel, kertas kerja, jurnal dan majalah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.<sup>41</sup> Buku pertama yang dihasilkan oleh beliau dalam bidang perundangan bertajuk *Islamic Law in Malaya* (1965) dan buku terakhir beliau ialah *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* (1999).<sup>42</sup> Menurut Zainuddin Jaafar, buku *Islamic Law in Malaya* merupakan sebuah buku malar segar (*evergreen*) dan menjadi bacaan asas bagi individu yang ingin mempelajari pengenalan kepada sistem perundangan Islam.<sup>43</sup> Kejayaan besar beliau dalam mengembangkan penyelidikan dan penulisan undang-undang Islam di Malaysia ialah menyumbang kepada pengembangan tenaga pakar undang-undang sivil dan syariah.<sup>44</sup>

Beliau juga seorang yang bersifat patriotik dan amat mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam bidang undang-undang.<sup>45</sup> Semasa menjadi Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, beliau telah memberi panduan kepada jawatankuasa ini supaya menyediakan draf undang-undang dalam bahasa kebangsaan yang kemudiannya diserahkan ke Pejabat Peguam Negara. Setelah disemak dan didapati sempurna, draf berkenaan akan diterjemah ke dalam bahasa Inggeris. Buku *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim* dihasilkan dalam bahasa Melayu sebagai penghormatan buat Ahmad Ibrahim yang mempelopori pengajaran dan pembelajaran undang-undang dalam bahasa Melayu di negara ini. Profesor Madya Rafiah Salim (Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya pada masa itu) mengetahui bahawa Ahmad Ibrahim sangat menitikberatkan pembangunan penulisan undang-undang dalam bahasa Melayu. Beliau sentiasa mempercayai keupayaan bahasa Melayu sebagai jentera pengajaran dan pembelajaran undang-undang serta sebagai bahasa penguatkuasaan undang-undang di mahkamah.<sup>46</sup> Maka, tidak hairanlah beliau diberi kepercayaan menjawat jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Istilah Undang-Undang dan Pengerusi Jawatankuasa Buku Undang-Undang, Dewan Bahasa dan Pustaka.<sup>47</sup>

<sup>40</sup> Hooker, M. B. (1986). *Malaysian Legal Essays*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd., 1.

<sup>41</sup> Abdul Monir. Y. (2005, Jan-Jun). Profesor Ahmad Ibrahim dan sumbangan beliau dalam perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang IKIM Law Journal*, 9(1), 3.

<sup>42</sup> Ibid. 4.

<sup>43</sup> Zainuddin. (2007). 17.

<sup>44</sup> Ahmad Hidayat, B. (2005). Mahkamah syariah di Malaysia: Pencapaian dan cabaran alaf baru. Dalam Ahmad Hidayat, B. (Ed.). *Mahkamah syariah di Malaysia: Pencapaian dan cabaran*, 4. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

<sup>45</sup> Abdul Monir. (2005).

<sup>46</sup> Rafiah, S. (1988). Prakata. *Makalah undang-undang menghormati Ahmad Ibrahim*, xv.

<sup>47</sup> Aemy Elyani et al. (2019). 398.

## Pencapaian

Pada tahun 1960, beliau telah dianugerahi Pingat Jasa Gemilang oleh kerajaan Singapura dan Pingat Malaysia oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1963 kerana jasanya sebagai ketua delegasi “Singapore Working Party” dalam mengadakan perundingan untuk membawa masuk Singapura ke dalam Malaysia. Pada 5 Jun 1965, beliau telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang oleh Universiti Singapura kerana jasanya terhadap pengajian, pengajaran dan perkembangan undang-undang terutamanya Undang-Undang Buruh. Pada tahun 1975, beliau telah dianugerahkan Bintang Johan Mangku Negara oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas jasanya kepada Universiti Malaya. Seterusnya, TYT Gabenor Pulau Pinang telah menganugerahi beliau Darjah Yang Mulia Pangkuhan Negara (DMPN) yang membawa gelaran “Datuk”. Kerajaan Pakistan pula menganugerahi beliau gelaran *Allama Muhammad Iqbal Medal* bagi jasanya kepada dunia Islam dalam bidang perundangan Islam pada tahun 1979.<sup>48</sup>

Pada 25 Ogos 1984, Universiti Malaya menganugerahi Ahmad Ibrahim gelaran Profesor Emeritus. Anugerah ini diberikan atas jasanya dalam bidang akademik di universiti tersebut terutamanya dalam pengajian undang-undang dan negara atas perjuangannya memperkuat kedudukan Islam. Pada Jun 1987, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahi beliau bintang Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran “Tan Sri”.<sup>49</sup> Selain itu, beliau juga merupakan penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah pada tahun 1988.<sup>50</sup> Pada tahun 1994 pula, beliau menerima Anugerah Tun Abdul Razak atas sumbangan cemerlang yang telah diberi terhadap pembangunan negara selaras dengan objektif penubuhan Yayasan Tun Razak.<sup>51</sup>

## Pengaruh, Impak dan Legasi

Pengaruh Ahmad Ibrahim dapat dilihat di Singapura, Malaysia dan negara-negara serantau yang lain seperti Brunei, Indonesia, Filipina dan sebagainya.<sup>52</sup> Di Malaysia, landskap perundangan Islam dan mahkamah syariah yang moden dan dinamik hari ini merupakan sumbangan idea dan usaha Ahmad Ibrahim melalui pendekatan pentadbiran, perundangan dan pendidikan yang bersifat organik dan non-konfrontasional. Pendekatan sebegini bersesuaian dan harmonis dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.<sup>53</sup> Usaha signifikan beliau dalam menyatupadukan sistem perundangan sivil yang bersifat dominan semenjak penjajahan British dengan syariah ialah dengan meletakkan kedudukan mahkamah syariah setara dengan mahkamah

<sup>48</sup> Nik Abdul Rashid. (1988). Anugerah. *Makalah undang-undang menghormati Ahmad Ibrahim*, xxviii-xxix.

<sup>49</sup> Ibid. xxix.

<sup>50</sup> [https://ms.wikipedia.org/wiki/Penerima\\_Anugerah\\_Maal\\_Hijrah\\_di\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Penerima_Anugerah_Maal_Hijrah_di_Malaysia). Dicapai pada 21 September 2020.

<sup>51</sup> Lihat Senarai Nama Penerima Anugerah Tun Abdul Razak dari tahun 1978-2014. Diambil daripada <http://yayasanunrazak.org.my/utama/anugerah-tun-razak/> pada 1 Oktober 2020.

<sup>52</sup> Zainuddin. (2007). 8.

<sup>53</sup> Mohammad Hariz Shah, M. H. S. dan Ahmad Hidayat, B. (2021). Ahmad Ibrahim dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 16 (1), 81-98, 1.

sivil. Oleh itu, beberapa aspek seperti hierarki mahkamah syariah, pertukaran nama kadi kepada hakim dan juga kod pemakaian menyerupai mahkamah sivil diambil kira. Cadangan lain ialah mewujudkan sistem duluan mengikat (*binding precedent*) dan penubuhan Majlis Peguam Syarie ke arah pengkorporatan dan profesionalisme mahkamah syariah. Sumbangan beliau amat penting supaya mahkamah syariah tidak dilihat canggung dan terasing daripada mahkamah sivil tetapi bersifat saling melengkapi. Meskipun kedudukan undang-undang Islam telah berbeza berbanding dahulu, perubahan dan perkembangan ini disebabkan sistem pluralistik dan sebagai menghormati budaya masyarakat majmuk di Malaysia.<sup>54</sup>

Bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangannya, Universiti Malaya telah menamakan perpustakaan di Fakulti Undang-Undang sebagai Perpustakaan Undang-Undang Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim pada 18 Jun 1999.<sup>55</sup> Pada tahun 2000 pula, UIAM meneruskan langkah yang sama dengan menamakan Kulliyyah Undang-Undang UIAM sebagai AIKOL.<sup>56</sup> Perpustakaan induk UIAM turut menyediakan sebuah bilik khas Ahmad Ibrahim yang dinamakan *Ahmad Ibrahim Collection* bagi menghimpunkan koleksi peribadi berbentuk buku, catatan, gambar-gambar, keratan akhbar, sebahagian medal dan pingat yang diterima beliau dan sebagainya.<sup>57</sup> UIAM juga mengadakan seminar *Professor Emeritus Ahmad Ibrahim Memorial Lecture* bermula tahun 2000 demi memperingati sumbangan beliau dalam bidang perundangan dengan menampilkan tokoh perundangan berwibawa negara bagi menyampaikan syarahan berkaitan isu-isu perundangan dan kehakiman di Malaysia. Selain itu, Ahmad Ibrahim telah meninggalkan generasi kelompok cendekiawan yang menjadi legasi terhadap usahanya dalam memartabatkan undang-undang Islam di Malaysia serta mengharmonisasikannya dengan undang-undang sivil seperti Profesor Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob (Ahli Jawatankuasa Teknikal), Dato' Zainul Rijal Abu Bakar (Presiden Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan (MPSWP)) dan ramai lagi. Buku, artikel dan hasil kerja beliau masih menjadi sumber rujukan utama undang-undang dan bahan kajian oleh pengamal perundangan dan kehakiman hingga ke hari ini. Situasi ini membuktikan bahawa pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim “Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”. Perbincangan seterusnya akan menghuraikan ikon perpaduan negara kedua, iaitu Sudirman Arshad.

<sup>54</sup> Mohd Roslan, M. N., Ahmad Termizi, A. dan Abdul Karim, A. (2016). From Undang-Undang Melaka to federal constitution: The dynamics of multicultural Malaysia. *SpringerPlus* 5:1683, 1.

<sup>55</sup> <https://umlib.um.edu.my/lawlibrary/>. Dicapai pada 31 Mac 2020.

<sup>56</sup> <http://www.iium.edu.my/kulliyyah/aikol>. Dicapai pada 31 Mac 2020.

<sup>57</sup> <http://iium.edu.my/page/iium-library-special-collection>. Dicapai pada 31 Mac 2020.

## Ikon Kedua: Sudirman Arshad (1954-1992)



Rajah 2: Foto Sudirman Arshad (1954-1992)  
(Sumber foto: Ramlan Md Isa)

Rajah 2 menunjukkan foto Sudirman Arshad. Sudirman merupakan seorang legenda di Malaysia. Walaupun tempoh penglibatannya dalam mewarnai kanvas dunia seni persembahan agak singkat (1976-1992), namun warisan yang telah ditinggalkan kepada masyarakat sangat besar dan tidak ternilai. Sebuah kertas projek berkaitan Sudirman, iaitu *Sejarah Hidup Sudirman* (2006) dan buku khas oleh bekas wartawan hiburan, Saodah Ismail berjudul *Sudirman Yang Ku Kenali* (2019) diterbitkan supaya masyarakat khususnya generasi muda mengenali Sudirman. Penulisan ini merupakan perkongsian dari perspektif seorang wartawan yang amat rapat dengannya<sup>58</sup>. Buku ini turut menghimpunkan kisah peribadi mengenai Sudirman yang didapati daripada insan-insan yang rapat dengan beliau seperti wartawan, bekas pengurus dan penulis lirik. Menurut Saodah Ismail (2019), “Saya mahu berkongsi pengalaman, kenangan dan perasaan saya terhadap seniman berjiwa besar ini yang saya ibaratkan sebagai sebutir berlian yang dihadirkan dalam dunia ini untuk menyinari alam maya; semasa hayatnya dan selepas pemergiannya”.<sup>59</sup>

Sudirman dilahirkan pada 25 Mei 1954 di Temerloh, Pahang Darul Makmur. Beliau merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik seibu sebuah dan anak keenam

<sup>58</sup> Saharudin, M. (2019, Februari 20). Bukan mudah menulis mengenai Sudirman – Saodah Ismail. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-mudah-menulis-mengenai-sudirman-saodah-ismail-199120> pada 23 September 2020.

<sup>59</sup> Saodah, I. (2019). Sudirman Haji Arshad. Dalam Saodah, I. (Ed.). (2019). *Sudirman yang ku kenali*, 2. Kajang: Khutubkata Resources.

daripada lapan orang adik-beradik sebapa, tetapi berlainan ibu.<sup>60</sup> Menurut Sudirman, nama beliau diberikan oleh Wan, iaitu neneknya.<sup>61</sup> Nama tersebut merupakan nama Jawa dan berkaitan dengan asal usul neneknya, iaitu dari Balai Raja, Indonesia. Nama itu juga sempena memperingati nama Jeneral Sudirman yang meninggal dunia pada usia 34 tahun akibat penyakit paru-paru. Nama panggilan ringkas yang digunakan oleh ibu bapa Sudirman ialah Sudir. Abang dan kakaknya pula memanggil beliau dengan nama Deman. Terdapat juga nama panggilan lain dalam kalangan anak-anak buah, iaitu Cok Man, manakala rakan-rakannya pula lebih selesa memanggil beliau dengan nama Sudi.<sup>62</sup> Beliau memulakan persekolahan di Sekolah Rendah Abu Bakar, Mentakab, Pahang (1961-1966), kemudiannya ke Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar di Kuantan, Pahang setelah lulus dalam peperiksaan *Lower Certificate Education* (LCE) sehingga tamat Tingkatan 6. Sudirman telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara selepas mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan *Malaysian Certificate Education* (MCE). Walau bagaimanapun, beliau telah menolak tawaran tersebut. Pada tahun 1976, selepas mendapat keputusan yang cemerlang dalam *Higher School Certificate* (HSC) dan beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.<sup>63</sup> Di sebalik kepadatan jadual dalam bidang seni, beliau masih boleh membahagikan masa antara nyanyian dan menyertai kelas tutorial di universiti tersebut. Pada tahun 1980, beliau telah menerima Ijazah Undang-Undang (LL.B) dengan mendapat Kepujian Kelas Ketiga.<sup>64</sup> Beliau menjalani latihan guaman pada tahun 1983 dan diiktiraf sebagai peguam pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, Sudirman meninggalkan bidang guaman kerana memilih bidang seni sebagai kerjayanya.

Sisi akademik Sudirman jarang ditonjolkan berbanding bakatnya sebagai seorang penghibur. Beliau telah menulis sebuah kertas projek bertajuk *A Legal Study of Copyright Protection in Malaysia* (1979/80)<sup>65</sup> sebagai memenuhi sebahagian syarat graduasi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian. Kertas projek ini bertujuan mengkaji tentang perlindungan hak cipta yang terdapat di bawah Akta Hak Cipta 1969 di Malaysia. Menurutnya, penguatkuasaan Akta Hak Cipta Malaysia 1969 (pada masa itu) perlu diperketatkan terutamanya dalam menjamin hak cipta sesebuah karya dan membanteras lanun cetak rompak yang berleluasa dan melumpuhkan industri seni. Lanun cetak rompak dapat mengaut keuntungan daripada hasil karya asli dalam bidang sastera, muzikal dan rakaman suara.<sup>66</sup> Bergelar graduan lulusan undang-

<sup>60</sup> Nor Lelinza, A. R. (2006). *Sejarah Hidup Sudirman*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1.

<sup>61</sup> Dipetik daripada Sudirman, A. (1991). *Sejarah Awal Sudirman*. Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd. Buku ini dihasilkan dalam bentuk komik yang memaparkan perjalanan awal kehidupan Sudirman.

<sup>62</sup> Lelinza. (2006). 4.

<sup>63</sup> Ibid. 4-5.

<sup>64</sup> Sudirman merupakan rakan sekelas Peguam Negara Malaysia terkini, iaitu Tan Sri Dato' Sri Idrus bin Azizan @ Harun (berkhidmat dari 6 Mac 2020 hingga kini) dan Mantan Peguam Negara, iaitu Tan Sri Abdul Gani Patail (berkhidmat dari 1 Januari 2002 hingga 27 Julai 2015). Rujuk Sudirman antara 44 lulus Sarjana Muda Undang<sup>2</sup>. (1980). *Utusan Malaysia*. Diambil daripada <http://commonrepo.um.edu.my/4862/> pada 21 September 2020.

<sup>65</sup> Rujuk Laman Web Rasmi Students Repository Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/8657/>. Dicapai pada 5 September 2020.

<sup>66</sup> Sudirman, A. (1980). *A legal study of copyright protection in Malaysia*. Kertas Projek, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 257.

undang dan peguam bertauliah, beliau tidak memilih bidang tersebut sebagai kerjayanya. Menurut Habsah Hassan (2019), Sudirman memilih bidang seni sebagai kerjayanya kerana minat.<sup>67</sup> Setelah memilih untuk mencebur i bidang seni, Sudirman mempunyai pelbagai kebolehan bukan sahaja sebagai seorang penyanyi, malah beliau juga merupakan penghibur, penggubah lagu, peguam, penulis, pengarang buku memoir dan kanak-kanak, pelukis kartun, usahawan dan pelakon. Situasi ini ditambah dengan pendedahan yang diberikan kepadanya sejak kecil lagi. Sudirman suka membaca al-Quran, berpidato, menyanyi, menari, bersajak, bersyair, melukis dan sebarang perkara yang berkaitan dengan dunia seni. Malah ketika beliau remaja, bakat dan minat seni telah mendorong beliau menyertai pelbagai pertandingan antaranya pertandingan syarahan, menulis esei nyanyian, syair dan sebagainya.<sup>68</sup>

## Gelaran dan Personaliti

Bekas pengurus Sudirman, Dani'el Dharanee Dharan Kannan menyatakan bahawa Sudirman layak dikenali sebagai Ikon Perpaduan Negara dan Biduan Malaysia yang sebenar. Beliau berkata; “Imej perpaduan lahir secara semula jadi dalam diri Sudirman. Konsert beliau tidak pernah gagal, sentiasa dipenuhi masyarakat berbeza latar belakang, bukan sekadar kaum, malah perbezaan dari segi kelas ekonomi juga boleh berhimpun dalam konsert sama”.<sup>69</sup> Beliau juga digelar “Penghibur Milik Masyarakat,” “Seniman Rakyat,” “The Singing Lawyer” dan “Elvis Malaysia”.<sup>70</sup> Beliau juga merupakan satu-satunya pemegang gelaran “Penghibur Nombor 1 Asia” atas kejayaannya menjuarai pertandingan *Asian Popular Music Awards* di London.<sup>71</sup>

Mengenai personaliti pula, Sudirman merupakan seorang yang sangat patriotik. Beliau pernah muncul dalam Majlis Penutupan Sukan SEA pada tahun 1989 di Kuala Lumpur dan pada ketika itu Malaysia menjadi tuan rumah bagi kejohanan tersebut. Beliau telah mengenakan baju bendera Malaysia sepanjang 120 meter rekaan Den Wahab sambil mengibarkan Jalur Gemilang yang besar.<sup>72</sup> Sifat patriotiknya turut diabadikan dalam sebuah album studio rakamannya berjudul “Abadi” pada tahun 1982 dengan memuatkan beberapa lagu seperti “Tanggal 31,” “Warisan” dan “Tegakkan Bendera Kita”. Setiap tahun, lagu-lagu ini akan berkumandang di corong-corong radio dan stesen televisyen bagi membangkitkan semangat patriotisme dan cinta akan negara. Sudirman juga dikenali sebagai seorang yang dermawan kerana beliau suka

<sup>67</sup> Habsah, H. (2019). *Kisah sedih di sebalik Merisik Khabar...* Dalam Saodah. (2019). 88.

<sup>68</sup> Lelinza. (2006). 6-7.

<sup>69</sup> Riadz, R. & Syafiq Syazwan, J. (2020, Ogos 31). Abadi jiwa patriotik. *Harian Metro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/08/615612/abadi-jiwa-patriotik> pada 9 September 2020.

<sup>70</sup> [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sudirman\\_\(penyanyi\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sudirman_(penyanyi)). Dicapai pada 1 Oktober 2020 dan Azzyati Ahmad. (2014, Februari 23). Sudirman, Elvis Presley Malaysia? *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/sudirman-elvis-presley-malaysia-30664> pada 11 Mac 2021.

<sup>71</sup> Wartawan Sinar Harian. (2019, Mei 25). Google *doodle* khas untuk Sudirman. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/29839/BERITA/Nasional/Google-doodle-khas-untuk-Sudirman> pada 24 September 2020.

<sup>72</sup> Rozdan, M. (2018, Ogos 25). Sudirman ikon patriotisme bidang seni. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://origin.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/465767/sudirman-ikon-patriotisme-bidang-seni> pada 9 September 2020.

membantu rakan artis yang memerlukan, terutamanya artis-artis veteran yang sangat dihormatinya.<sup>73</sup> Sifat dermawan Sudirman ini turut diakui oleh Daniel Dharanee. Sudirman pernah membantu seorang promoter untuk kutipan tabung anaknya yang merupakan pesakit kanser.<sup>74</sup> Sudirman merupakan seorang artis yang sangat teliti dan menginginkan kesempurnaan (*perfectionist*) dalam setiap perkara yang dilakukannya. Beliau akan melibatkan diri dari mula hingga akhir bagi penghasilan sebuah album dan sikap ini berbeza dengan artis lain.<sup>75</sup> Sikap beliau yang sangat teliti ini juga turut diakui oleh rakan artis yang sering membuat persembahan dengannya, iaitu Noorkumalasari yang menyatakan mereka akan berlatih menari bersama-sama sehingga jam 3 hingga 4 pagi.<sup>76</sup> Sama seperti Ahmad Ibrahim, Sudirman juga tidak pandai memandu. Antara yang berkongsi pengalaman ialah bekas Pegawai Perhubungan (PR) di syarikat rakaman EMI, Norisah Sulaiman yang menyatakan bahawa; “Yang jadi kenangan sampai hari ini...kenangan saya *drive* dia ke RTM, turun naik RTM, duduk dekat situ, temankan dia. Selalulah. Masa tu, walaupun *he was already married, I will fetch him* juga sebab *he always tells me that he was born to be driven. He will never drive. Drive sana sini*”.<sup>77</sup> Walaupun tidak pandai memandu, beliau memiliki sebuah kereta Proton berwarna putih dengan no pendaftaran Proton 108. Beliau juga selalu menyatakan bahawa; “Saya ini dilahirkan untuk tidak memandu, tetapi mempunyai pemandu”.<sup>78</sup>

## Pemikiran dan Sumbangan

Pemikiran Sudirman boleh dilihat melalui idea-idea di luar kotak dan hasil karyanya yang melangkaui zaman. Pada tahun 1980-an, muzik popular Melayu arus perdana menjadi lebih pelbagai dan mempunyai kesedaran sosial. Sudirman merupakan antara penyanyi yang sering mengetengahkan isu-isu seperti masalah orang Melayu luar bandar yang berhijrah ke bandar, realiti kehidupan kosmopolitan yang menyediakan seperti keterasingan, kesepian dan monotonii kerja kilang selain beberapa lagunya yang menggalakkan sifat patriotisme.<sup>79</sup> Kebanyakan lagu popularnya mempunyai tema yang bermakna kepada pengalaman harian rakyat Malaysia tanpa mengira etnik<sup>80</sup> seperti *Chow Kit Road, Hidup Di Kota dan Apa Khabar Orang Kampung*. Kajian yang dilakukan oleh Adil Johan dan Shazlin Amir Hamzah (2019) di Kuching, Kota Kinabalu dan Lembah Klang menunjukkan bahawa lagu *Tanggal 31* dan *Balik Kampung* nyanyian

<sup>73</sup> Saodah. (2019). *Kali pertama dia marah*. Dalam Saodah. (2019). 55.

<sup>74</sup> Daniel, D. (2019). *Dia memang dilahirkan untuk berada di pentas*. Dalam Saodah. (2019). 137.

<sup>75</sup> Norisah, S. (2019). *Sangat teliti orangnya*. Dalam Saodah. (2019). 73.

<sup>76</sup> Next To Neelofa Episode 10. Minit 31:34. <https://www.youtube.com/watch?v=1dLavUE8C3w>. Dicapai pada 29 September 2020.

<sup>77</sup> Norisah. (2019). *Kenangan yang paling indah*. Dalam Saodah. (2019) 75.

<sup>78</sup> Saodah. (2019). *Kita orang hiburan*. Dalam Saodah. (2019). 18.

<sup>79</sup> Lockard, C. A. (1996). Popular musics and politics in Modern Southeast Asia: A comparative analysis. *Asian Music*, 27(2),149-199. Diambil daripada <https://www.jstor.org/stable/pdf/834493.pdf?refreqid=excelsior%3Ad09047eb51c2cc2b51ac0e5bf89f2db4> pada 30 September 2020.

<sup>80</sup> Adil, J. *Muzik popular Malaysia: Perangsang dan pelantar sosial integrasi nasional*, 157. Diambil daripada 9.Manuskrip-ICIP.Dr-Adil.pdf pada 4 September 2020.

Sudirman merupakan lagu-lagu popular yang melambangkan Malaysia, selain lagu kebangsaan, *Negaraku*.<sup>81</sup>

Pada masa yang sama, sifat Sudirman yang sentiasa mendaulatkan dan mengutamakan bahasa kebangsaan dapat dilihat ketika salah seorang peminat beliau yang ingin berjabat tangan dengannya atas pentas semasa konsert SUDI<sup>82</sup> di tapak Expo Ayer Keroh, Melaka pada 9 Mac 1991. Semasa sesi bersalaman tersebut, wanita itu menyebut “*Thank You*”, namun Sudirman membalaunya dengan berkata “Bukan *thank you*, terima kasih”.<sup>83</sup> Selain mengangkat bahasa Melayu, beliau juga sering berpesan supaya masyarakat supaya selalu bersyukur dan saling bersatu-padu. Beliau berkata; “Ya, kita tidak akan merasa betapa bertuahnya hidup di bumi Malaysia ini jika kita tidak membuka mata melihat malapetaka yang menimpa negeri-negeri di seluruh dunia di sekeliling kita, dan di dalam harmoni ini kita berkebolehan mempelajari dan menghayati adat resam dan budaya di negara kita yang berbagai-bagai”.<sup>84</sup> Dalam konsert yang sama juga, beliau turut menyanyikan sebuah lagu Tamil berjudul *Puthiya Vaanam*. Sudirman berkata; “Ya para penonton, lagu ini khas untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama dan di antara mesej lagu ini mengatakan kita mestilah hidup bersatu-padu bagai satu keluarga di bumi Tuhan Yang Esa ini tanpa mengira bangsa, warna, darjah dan keturunan”.<sup>85</sup>

Antara peristiwa yang paling diingati rakyat Malaysia ialah konsert gergasi di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur pada 14 April 1986. Beliau menyatakan bahawa tujuan konsert percuma itu diadakan ialah bagi menghargai para peminat yang menyokongnya selama ini.<sup>86</sup> Konsert yang menghimpunkan seramai 100,000 orang ini dihadiri oleh pelbagai bangsa dan kaum semata-mata untuk menyaksikan Sudirman beraksi di tengah-tengah kota raya Kuala Lumpur. Idea mengadakan konsert tersebut datangnya daripada Sudirman sendiri kerana ketika itu sedang berlangsungnya Persidangan PATA (*Pacific Asia Travel Association*) ke-35 dan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah bagi persidangan tersebut. Situasi ini menyaksikan kedatangan ramai tetamu, jurugambar dan wartawan asing dari luar negara dan merupakan peluang terbaik bagi mempromosikan lagu dan budaya negara melalui persembahan tersebut<sup>87</sup>. Dari aspek diskografi, beliau telah merakamkan pelbagai album dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang dikeluarkan dalam bentuk piring hitam, kaset dan cakera padat dengan memperoleh status “platinum” dan “emas” di bawah naungan label EMI-Thorn<sup>88</sup> sepanjang karier beliau antaranya *Aku Penghiburmu* (1978), *Abadi* (1982), *Lagu Dari Sebuah Bilik* (1984), *Orang Kampung* (1986), *Kul It* (1986), *Asia's No. 1 Performer* (1989) dan banyak lagi. Terdapat

<sup>81</sup> Adil, J. & Shazlin, A. H. (2019). Malaysian popular music and social cohesion: A focus group study conducted in Kuching, Kota Kinabalu and Klang Valley. *Kajian Malaysia*, 37(2), 173-195. Diambil daripada <https://doi.org/10.21315/km2019.37.2.8> pada 30 September 2020.

<sup>82</sup> Persembahan konsert ini diadakan untuk mempromosikan jenama minuman ringannya, SUDI.

<sup>83</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=BMak4TenOvw>. Minit 2:19. Dicapai pada 13 September 2020.

<sup>84</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=BMak4TenOvw>. Minit 6:54. Dicapai pada 13 September 2020.

<sup>85</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=DgNNXpcneM>. Minit 2:32. Dicapai pada 13 September 2020.

<sup>86</sup> Saodah. (2019). Chow Kit Road. Dalam Saodah. (2019). 24.

<sup>87</sup> Ibid. 30.

<sup>88</sup> Lelinza. (2006).

juga beberapa buah album yang diterbitkan selepas pemergian beliau seperti *Balik Kampung* (1993), *Setelah Kau Tiada* (1995) dan *Nilai Cintamu* (2000).

## Pencapaian

Sudirman bukanlah seorang yang mengejar populariti atau gelaran, tetapi beliau sangatikhlas dan bersungguh-sungguh dalam perkara yang dilakukannya tanpa mengharapkan sebarang balasan. Sudirman pernah menyatakan bahawa “Bukan gelaran jadi ukuran, tetapi bakti yang disumbangkan” menjadi potongan ucapan beliau kepada rakan-rakan artis semasa menerima anugerah. Ucapan tersebut dibacakan oleh anak saudaranya, Atai.<sup>89</sup> Pada Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Ke-78 (kini Almarhum) pada 24 Oktober 2009 di Balairong Seri Istana Abu Bakar, Sudirman telah dianugerahi Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran “Datuk.” Anugerah itu telah diterima oleh kakak sulung beliau, Datin Rodziah Arshad. Kakaknya berkata; “Walaupun Allahyarham telah lama tiada, namun anugerah ini melambangkan beliau masih diingati dan dihargai sehingga kini”<sup>90</sup>.

Antara anugerah dan pengiktirafan lain yang diterima oleh beliau ialah Juara Bintang RTM dan Penghibur Terbaik TV (RTM) (1976), penghibur tempatan pertama membuat persembahan di Paddock, Hotel Hilton, Kuala Lumpur (1980), Penghibur Terbaik Malam Seri Angkasa dan Duta Penyanyi Rasmi Malaysia oleh Perbadanan Pelancongan Malaysia (1985), Penghibur Terbaik Juara Lagu TV3 (1987), Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N.) (1988) dan Penghibur No.1 Asia *SALEM Asian Music Award* di *Royal Albert Hall*, London (1989). Terdapat juga beberapa anugerah dan pengiktirafan yang diberikan selepas beliau meninggal dunia seperti Pingat Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Yang Dipertuan Agong dan Pingat Ahli Mahkota Pahang (A.M.P.) oleh Sultan Pahang (1992), Anugerah Istimewa Industri Muzik pada Anugerah Industri Muzik (AIM) dan *Malaysia's No.1 Entertainer* oleh New Straits Times (1993).<sup>91</sup>

## Pengaruh, Impak dan Warisan

Sudirman juga menyanyikan lagu bahasa Cina, Tamil serta dari pelbagai budaya lain.<sup>92</sup> Pengaruh Sudirman dapat dilihat dengan jelas tatkala masyarakat berbilang kaum dan darjah datang menonton persembahannya. Bukan sahaja mempunyai pengaruh dan peminat di dalam negara, beliau juga mempunyai seramai 180 peminat dari luar negara.<sup>93</sup> Selain golongan kebanyakan,

<sup>89</sup> <https://www.youtube.com/watch?v=kJDsKfVEPSU>. Dicapai pada 8 September 2020.

<sup>90</sup> Sudirman terima gelaran Datuk (2009, Jun 18). *mStar*. Diambil daripada

<https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2009/06/18/sudirman-terima-gelaran-datuk> pada 8 September 2020.

<sup>91</sup> Sumber: Arkib Negara Malaysia. Seperti yang dibincangkan dalam Makalah Pameran Perpustakaan Universiti Malaya. (2018, Februari-Mei). *One Thousand Million Smiles...* Sudirman Hj Arshad, 13. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>92</sup> Riadz, R & Syafil Syazwan, J. (2020, Ogos 31). Abadi jiwa patriotik. *Harian Metro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/08/615612/abadi-jiwa-patriotik> pada 9 September 2020.

<sup>93</sup> Daniel. (2019). Impian besarnya untuk bakat tempatan. Dalam Saodah. (2019). 135.

Sudirman juga diminati Tun Dr. Mahathir Mohamad dan beliau pernah mengutus surat kepada Sudirman untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaannya memenangi pertandingan di London.<sup>94</sup> Sudirman berjaya merangkul anugerah *Penghibur Terbaik Asia* dalam Pertandingan *Asian Music Awards* pada 19 Mac 1989. Pada masa sama, Sudirman juga amat mengagumi negarawan ini dan pernah menulis artikel dalam ruangan akhbar *Mingguan Malaysia* tentang tiga aspek perjuangan Dr. Mahathir yang menjadi inspirasi buat dirinya, iaitu berpandangan jauh ke hadapan menuju suatu matlamat, perancangan bijak dan usaha gigih sebagai daya penggerak serta kesabaran dan ketegasan sebagai benteng perjuangan.<sup>95</sup> Dalam satu temu bual sempena sambutan Hari Raya, Dr. Mahathir mendedahkan bahawa lagu *Selamat Hari Raya* dendangan Sudirman merupakan lagu raya pilihannya.<sup>96</sup> Sempena memperingati jasa Sudirman, terdapat sebatang jalan di Temerloh dinamakan bersempena Namanya, iaitu Jalan Sudirman<sup>97</sup>. Selain itu, pihak Google Malaysia juga telah mengabadikan lakaran atau *doodle* khas buat Sudirman sempena ulang tahun kelahiran beliau yang ke-65 pada tahun 2019.<sup>98</sup> *Alma mater* beliau, Universiti Malaya turut mengadakan sebuah pameran istimewa, iaitu “One Thousand Million Smiles... Sudirman Haji Arshad”.<sup>99</sup> Objektif utama pameran tersebut diadakan khas untuk mempamerkan koleksi beliau sebagai insan seni yang mempunyai bakat luar biasa meliputi penulisan, poster, keratan akhbar, piring hitam, kaset, cakera padat (CD), koleksi gambar, filem lakonan, buku, artikel dan tesis tentang beliau.<sup>100</sup>

Bagi meneruskan kesinambungan yang telah ditinggalkan oleh Sudirman, personaliti terkenal Datuk Aznil Haji Nawawi menyifatkan inisiatif penubuhan sebuah sekolah atau kolej seni mahupun fakulti Datuk Sudirman Haji Arshad akan menjadi rujukan paling utama bagi pembuat dasar, ahli akademik, masyarakat dan peminat setia dalam mencari pemahaman sebenar industri seni. Kisah kejayaan Sudirman harus juga diketengahkan dari sudut falsafah akademik dan bukan dari aspek hiburan semata-mata. Beliau menyatakan bahawa banyak disiplin seni yang sisi positif Sudirman yang boleh dipelajari, iaitu imej, falsafah seni, pengisian lagu, kehebatan pengucapan awam, cara pemasaran diri sebagai anak seni dan juga soal semangat patriotik Sudirman yang bukan sahaja terletak pada peribadi beliau, tetapi turut dirakam melalui

<sup>94</sup> Syaida, I. (2019). Sudirman 27 Tahun Dalam Kenangan, Ini 14 Gambar Menarik Penghibur Legend Negara Pada Zaman Kegemilangannya. Diambil daripada <https://lobakmerah.com/sudirman-27-tahun-dalam-kenangan-ini-14-gambar-menarik-penghibur-legend-negara-pada-zaman-kegemilangannya/> pada 3 Oktober 2020.

<sup>95</sup> Sudirman, A. (1990, Oktober 14). Kenapa saya suka Mahathir. *Mingguan Malaysia*. Seperti yang bincangkan di <https://lobakmerah.com/sudirman-27-tahun-dalam-kenangan-ini-14-gambar-menarik-penghibur-legend-negara-pada-zaman-kegemilangannya/>. Dicapai pada 3 Oktober 2020.

<sup>96</sup> Bernama. (2018, Jun 14). Kuih makmur, lagu Sudirman antara kegemaran Dr Mahathir di Hari Raya. *Berita Mediacorp*. Diambil daripada <https://berita.mediacorp.sg/mobile/muria/kuih-makmur-lagu-sudirman-antara-kegemaran-dr-mahathir-di-hari/4053188.html> pada 3 Oktober 2020.

<sup>97</sup> Ramlan, M. I. (2019). Sedih dan kecewa jasa Sudirman tidak dikenang. Dalam Saodah. (2019). 116.

<sup>98</sup> Wartawan Sinar Harian. (2019). *Google doodle khas untuk Sudirman*.

<sup>99</sup> Penulis berkesempatan menghadiri Majlis Perasmian pameran tersebut pada 1 Mac 2018 yang telah dirasmikan oleh Duta Alumni UM, Datuk Aznil Nawawi dan pameran tersebut berlangsung dari bulan pemergian Sudirman iaitu Februari hingga bulan kelahirannya, iaitu Mei.

<sup>100</sup> Juhaida, A. R., Siti Mawarni, S., Haslan, T. & Zanaria, S. U. (2018, Ogos 23). *Online exhibition on a shoe string*, 6. Kertas Kerja Persidangan Local Histories & Genealogies in Multicultural. Dewan Khazanah, Bangunan UAB, Pulau Pinang.

lagu-lagu patriotik dan lagu-lagu rakyat.<sup>101</sup> Sebagaimana Ahmad Ibrahim yang telah meninggalkan legasi besar melalui penulisan dan hasil kerjanya yang sentiasa menjadi rujukan dan panduan bagi pelajar dan pengamal undang-undang, Sudirman juga telah meninggalkan warisan negara melalui karya-karya agung (*masterpieces*) yang menjadi halwa telinga rakyat Malaysia sehingga kini.

### Ahmad Ibrahim, Sudirman Arshad dan Perpaduan Masyarakat Malaysia

Tiga objektif utama Dasar Perpaduan Negara (2021-2030) ialah mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.<sup>102</sup> Prinsip keempat, iaitu kedaulatan undang-undang dalam Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 merupakan falsafah perpaduan menerusi undang-undang yang perlu dipatuhi oleh masyarakat bawahan dan atasan kerana ia merupakan kunci keamanan sesebuah negara.<sup>103</sup> Selain undang-undang, seni persembahan melalui lagu dan muzik juga merupakan alat perpaduan yang membantu proses membentuk hubungan antara kaum.<sup>104</sup> Menurut laporan antarabangsa berkaitan keamanan negara-negara di dunia berdasarkan ukuran beberapa indikator tertentu seperti persepsi terhadap jenayah, intensiti konflik dalaman dan kestabilan politik yang dikeluarkan oleh *Global Peace Index* (GPI) bagi tahun 2022, Malaysia berada di kedudukan ke-18 daripada 163 buah negara.<sup>105</sup> Kedudukan 20 teratas ini merupakan suatu pencapaian membanggakan hasil daripada pelbagai langkah berterusan dilakukan dalam mencapai perpaduan demi keharmonian dan kemakmuran masyarakat majmuk di Malaysia. Usaha konsisten yang membuatkan hasilnya ini juga mengambil masa yang panjang jika dihitung dari tarikh 13 Mei 1969 tersebut kerana bak kata pepatah asing; “*Rome was not built in a day*”. Melalui perbincangan di atas, kehadiran dua tokoh tersohor ini telah membantu dasar dan usaha kerajaan bagi menyatupadukan lagi hubungan dalam kalangan masyarakat Malaysia, terutamanya pasca 13 Mei 1969. Faktor latar belakang keluarga juga membentuk pemikiran dan jati diri Ahmad Ibrahim dan Sudirman. Bapa Ahmad Ibrahim,

<sup>101</sup> Saharudin, M. (2019, Februari 21). Tubuhkan sekolah kesenian Sudirman Haji Arshad – Aznil Nawawi. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tubuhkan-sekolah-kesenian-sudirman-haji-arshad-aznil-nawawi-199163> pada 24 September 2020.

<sup>102</sup> Rafidah Mat Ruzki. (2021, Februari 15). 3 objektif utama Dasar Perpaduan Negara – PM. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786274/3-objektif-utama-dasar-perpaduan-negara-pm> pada 29 September 2022.

<sup>103</sup> Bernama. (2020, Julai 4). Kedaulatan undang-undang medium menyatupadukan masyarakat. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedaulatan-undangundang-medium-menyatupadukan-masyarakat-249745> pada 29 September 2022.

<sup>104</sup> Chandra Muzaffar. (2017, April 30). Seni kreatif boleh semai perpaduan. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/04/277433/seni-creatif-boleh-semai-perpaduan> pada 29 September 2022.

<sup>105</sup> Institute for Economics & Peace. (2022, Jun). *Global peace index 2022: Measuring peace in a complex world*. Sydney: Australia. Diambil daripada <https://www.visionofhumanity.org/wp-content/uploads/2022/06/GPI-2022-web.pdf> pada 29 September 2022.

Mohamed Ibrahim merupakan seorang doktor perubatan yang aktif dalam aktiviti sosial dan kebajikan Islam,<sup>106</sup> manakala bapa Sudirman, Arshad Hassan pula ialah seorang ahli perniagaan yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Temerloh. Ibu beliau, Ramlah Dahlah merupakan wanita pertama yang menjadi wakil rakyat bagi daerah Temerloh.<sup>107</sup> Bidang perubatan dan politik sememangnya amat sinonim dan dekat dengan masyarakat yang hidup dalam sebuah negara bertamadun dan demokrasi. Pemilihan bidang undang-undang sebagai bidang pelajaran untuk diceburi menjadikan Ahmad Ibrahim meneruskan sebagai kariernya dalam bidang tersebut, manakala Sudirman pula memilih jalan sebagai seorang penghibur berdasarkan minat beliau yang mendalam terhadap bidang tersebut.

Usaha Ahmad Ibrahim untuk menyatupadukan masyarakat meskipun negara mengamalkan sistem dualisme jelas melalui pengintegrasian kedua-dua kurikulum undang-undang sivil dan syariah melalui program pengajian seperti Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Syariah [LL.B.(S)], Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) dan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ).<sup>108</sup> Bagi Sudirman pula, penerbitan album dan lagu-lagu bersifat patriotisme serta konsert yang menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat merupakan usaha dalam menyatupadukan masyarakat Malaysia melalui bidang yang diminatinya. Bidang perundangan mahupun seni persembahan merupakan bukti manifestasi perjuangan kedua-dua tokoh ini dalam aspek perpaduan yang wajar disambung oleh generasi masa kini dan seterusnya. Bagi prospek penyelidikan dan penulisan akan datang, kajian berkaitan tokoh-tokoh negara perlu dijalankan dalam usaha untuk menonjolkan dan membincangkan hasil kerja tokoh-tokoh tersebut. Pada masa yang sama, perbincangan mengenai sumbangan tokoh-tokoh ini dalam meningkatkan konteks perpaduan dan keharmonian dapat menyuburkan lagi semangat cinta akan negara dalam kalangan masyarakat Malaysia. Saranan ini juga bersesuaian dengan konsep dan aspirasi falsafah Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh pentadbiran kerajaan Perdana Menteri Malaysia Kesembilan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Kajian ini telah membuka dimensi persilangan bidang yang menarik antara perundangan dengan seni persembahan dalam mencari aspek titik temu yang penting, iaitu perpaduan.

## Kesimpulan

Meskipun kedua-dua tokoh tersohor ini menabur bakti dalam dua lapangan bidang yang berbeza, iaitu Ahmad Ibrahim dalam bidang perundangan, manakala Sudirman Arshad pula dalam bidang seni persembahan, tokoh ini masih mempunyai banyak persamaan dalam pelbagai aspek. Dalam aspek personaliti, mereka sentiasa berpenampilan kemas, mengangkat martabat budaya dan bahasa Melayu, tidak memandu kereta dan mempunyai pemandu peribadi sendiri, teliti dan bersungguh-sungguh dalam pekerjaan yang dilakukan. Sebagai ikon perpaduan Malaysia pula, mereka ternyata unggul dalam menyatupadukan masyarakat daripada pelbagai

<sup>106</sup> Al-Mansor Adabi. (1986). Ahmad Ibrahim in the service of Islam, *Malaysian Legal Essays*, 15.

<sup>107</sup> Lelinza. (2006). 4.

<sup>108</sup> Badrol. (2011).

kaum dan agama supaya hidup dalam keadaan aman dan harmoni tanpa meminggirkan budaya dan bahasa Melayu sebagai instrumen utama perpaduan. Ikon Ahmad Ibrahim berusaha untuk menyatupadukan masyarakat melalui perundangan dengan harmonisasi antara undang-undang sivil dengan syariah, manakala Sudirman Arshad pula menawan seluruh rakyat dengan hasil karyanya meliputi segenap aspek. Kini, sudah tiba masanya Malaysia mengetengahkan ikon perpaduan negara yang baru yang mampu menyatupadukan, merapatkan dan menyuburkan lagi semangat kekitaan antara pelbagai agama, kaum dan budaya dalam menghadapi kemelut politik, perbezaan ideologi dan ketegangan hubungan sesama masyarakat.

Di samping berperanan sebagai ikon perpaduan yang berupaya menyatupadukan rakyat, mereka juga mampu mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang mampu berdaya saing di pentas global mengikut acuan nasional. Cadangan supaya diwujudkan anugerah atau pengiktirafan di peringkat kebangsaan seperti Anugerah Ikon Perpaduan Negara di bawah Kementerian Perpaduan Negara atau badan bukan kerajaan (NGO) bagi mengenal pasti dan mengiktiraf tokoh masyarakat perlu dipertimbangkan oleh kerajaan. Ikon-ikon ini dipilih daripada pelbagai bidang seperti pendidikan, sosial, ekonomi dan sebagainya agar berupaya menyatupadukan rakyat Malaysia. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka minda dan mata masyarakat untuk mengenali dua tokoh besar memandangkan mereka merupakan warisan dan permata negara yang tidak ternilai. Sumbangan signifikan mereka amat penting untuk diketahui, dipelajari dan dihargai oleh generasi masa kini dan akan datang dalam usaha membentuk Keluarga Malaysia yang dinamik dan tidak prejudis.

**Penghargaan:** Makalah ini (bahagian Ahmad Ibrahim) merupakan sebahagian daripada hasil kajian di bawah geran penyelidikan Projek FP030-2016 Universiti Malaya yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

## Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. (2005, Jan-Jun). Profesor Ahmad Ibrahim dan sumbangan beliau dalam perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang IKIM Law Journal*, 9(1), 1-11.
- Abdul Monir Yaacob, Mahamad Arifin, Najibah Mohd Zin, & Siti Shamsiah Supi. (2007). *Permata pengisahan perundangan Islam: Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Adil Johan. (2020). *Muzik popular Malaysia: Perangsang dan pelantar sosial integrasi nasional*. Diambil daripada 9.Manuskrip-ICIP.Dr-Adil.pdf pada 4 September 2020.
- Adil Johan & Shazlin Amir Hamzah (2019). Malaysian popular music and social cohesion: A focus group study conducted in Kuching, Kota Kinabalu and Klang Valley. *Kajian Malaysia*, 37(2), 173-195. Diambil daripada <https://doi.org/10.21315/km2019.37.2.8> pada 30 September 2020.

- Aemy Elyani Mat Zain, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, ‘Aisyah Anzaruddin, & Nooranissa Ramlee. (2019, Oktober 22). *Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim dan Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar: Kajian konseptual terhadap profil dan sumbangan tokoh*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 Ke-3. Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Ahmad Hidayat, B. (2005). Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran Alaf Baru. Dalam Ahmad Hidayat Buang (Ed.). *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, I. (1989). *Common Law di Malaysia. Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 1(1).
- Ahmad, M. I. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Allahyarham Dato’ Sir Hussein Onn, Bapa Perpaduan Malaysia. (2020, Januari 26). *The Malaya Post*. Diambil daripada <https://www.themalayapost.my/allahyarham-dato-sir-hussein-onn-bapa-perpaduan-malaysia/> pada 10 Mac 2021.
- Anne, M. (2014, Oktober 17). Tribute kepada pejuang kes Natrah. *MalaysiaKini*. Diambil daripada <https://www.malaysiakini.com/news/277864> pada 10 Mac 2021.
- Azzyati, A. (2014, Februari 23). Sudirman, Elvis Presley Malaysia? *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/sudirman-elvis-presley-malaysia-30664> pada 11 Mac 2021.
- Bernama. (2018, Jun 14). Kuih makmur, lagu Sudirman antara kegemaran Dr Mahathir di Hari Raya. *Berita Mediacorp*. Diambil daripada <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/dunia/kuih-makmur-lagu-sudirman-antara-kegemaran-dr-mahathir-di-hari/4053188.html> pada 3 Oktober 2020.
- Bernama. (2020, Julai 4). Kedaulatan undang-undang medium menyatupadukan masyarakat. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedaulatan-undangundang-medium-menyatupadukan-masyarakat-249745> pada 29 September 2022.
- Burrell, I. (2011, Oktober 23). Lord Denning, the century’s greatest judge, dies at 100. *Independent*. Diambil daripada <https://www.independent.co.uk/news/lord-denning-the-centurys-greatest-judge-dies-at-100-1078587.html> pada 10 April 2020.
- Chandra, M. (2017, April 30). Seni kreatif boleh semai perpaduan. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/04/277433/seni-kreatif-boleh-semai-perpaduan> pada 29 September 2022.

Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya. (1988). *Makalah undang-undang menghormati Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haika, K. (2019, Ogos 14). Pengenalan Jawi kekal. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/596203/pengenalan-jawi-kekal> pada 8 September 2020.

Hooker, M. B. (1986). *Malaysian legal essays*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

<http://iium.edu.my/page/iium-library-special-collection>. Dicapai pada 31 Mac 2020.

<https://lobakmerah.com/sudirman-27-tahun-dalam-kenangan-ini-14-gambar-menarik-penghibur-legend-negara-pada-zaman-kegemilangannya/>. Dicapai pada 3 Oktober 2020.

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Penerima\\_Anugerah\\_Maal\\_Hijrah\\_di\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Penerima_Anugerah_Maal_Hijrah_di_Malaysia). Dicapai pada 21 September 2020.

<https://umlib.um.edu.my/lawlibrary/>. Dicapai pada 31 Mac 2020.

<https://www.facebook.com/Sudirman.Hj.Arshad/posts/sudirman-tercabar-di-ukm-jika-tidak-kerana-campur-tangan-perdana-menteri-datuk-s/1475250595895593/>. Dicapai pada 8 September 2020.

<http://www.iium.edu.my/kulliyyah/aikol>. Dicapai pada 31 Mac 2020.

<https://www.youtube.com/watch?v=1dLavUE8C3w>. Dicapai pada 29 September 2020.

<https://www.youtube.com/watch?v=BMak4TenOvw>. Dicapai pada 13 September 2020.

<https://www.youtube.com/watch?v=DgNNSxpcneM>. Dicapai pada 13 September 2020.

<https://www.youtube.com/watch?v=kJDsKfVEPSU>. Dicapai pada 8 September 2020.

<http://yayasantunrazak.org.my/utama/anugerah-tun-razak/>. Dicapai pada 1 Oktober 2020.

Institute for Economics & Peace. (2022, Jun). *Global peace index 2022: Measuring peace in a complex world*. Sydney: Australia. Diambil daripada <https://www.visionofhumanity.org/wp-content/uploads/2022/06/GPI-2022-web.pdf> pada 29 September 2022.

- Juhaida, A. R., Siti Mawarni, S., Haslan T. & Zanaria, S. U. (2018, Ogos 23). Online exhibition on a shoe string [Paper presentation]. *Persidangan Local Histories & Genealogies in Multicultural*. Dewan Khazanah, Bangunan UAB, Pulau Pinang, Malaysia.
- Khairil Anwar, M. A. (2019, September 27). Jangan jadikan keputusan Inkues Adib isu perkauman: TPM. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/49614/KHAS/Inkues-Adib/Jangan-jadikan-keputusan-Inkues-Adib-isu-perkauman-TPM> pada 8 September 2020.
- Laman Web Rasmi *Students Repository* Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/8657/>. Dicapai pada 5 September 2020.
- Lockard, C. A. (1996). Popular musics and politics in modern Southeast Asia: A Comparative Analysis. *Asian Music*, 27(2), 149-199. Diambil daripada <https://www.jstor.org/stable/pdf/834493.pdf?refreqid=excelsior%3Ad09047eb51c2cc2b51ac0e5bf89f2db4> pada 30 September 2020.
- Madiha, A. (2020, Oktober 24). Enam darurat yang pernah diisytiharkan di Malaysia. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-darurat-yang-pernah-diisytiharkan-di-malaysia-265115> pada 27 September 2022.
- Mahani, Z. A. (2008). Pembangunan keseimbangan dengan dasar ekonomi baru di Malaysia. *ISIS*. Diambil daripada [https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2008/03/390\\_MAZ\\_Kompass\\_220907.pdf](https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2008/03/390_MAZ_Kompass_220907.pdf) pada 27 September 2022.
- Mahathir, M. (2012). *Doktor Umum*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Makalah Pameran Perpustakaan Universiti Malaya. (2018, Februari-Mei). *One Thousand Million Smiles...* Sudirman Hj Arshad, 13. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed Azam, M. A. (2018). *Pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: Khayalan Atau Realiti?* Nilai: ILHAM Books.
- Mohammad Hariz Shah, M. H. S. & Ahmad Hidayat, B. (2021). Ahmad Ibrahim dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 16 (1), 81-98.
- Mohd. Badrol, A. (2011). Ahmad Ibrahim dan reformasi pengajian undang-undang Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 23(1), 41-60.

- Mohd Roslan, M. N., Ahmad Termizi, A. dan Abdul Karim, A. (2016). From Undang-undang Melaka to federal constitution: The dynamics of multicultural Malaysia. *SpringerPlus* 5:1683.
- Nazri, M. & Ahmad Hidayat, B. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 19-62.
- Nor Lelinza, A. R. (2006). *Sejarah hidup Sudirman*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Peletz, M. G. (2002). *Islamic modern: Religious courts and cultural politics in Malaysia*. Princeton: Princeton University Press.
- Riadz, R. & Syafil Syazwan, J. (2020, Ogos 31). Abadi jiwa patriotik. *Harian Metro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/08/615612/abadi-jiwa-patriotik> pada 9 September 2020.
- Rozdan, M. (2018, Ogos 25). Sudirman ikon patriotisme bidang seni. *Berita Harian*. Diambil daripada <https://origin.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/465767/sudirman-ikon-patriotisme-bidang-seni> pada 9 September 2020.
- Saharudin, M. (2019, Februari 20). Bukan mudah menulis mengenai Sudirman – Saodah Ismail. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-mudah-menulis-mengenai-sudirman-saodah-ismail-199120> pada 23 September 2020.
- Saharudin, M. (2019, Februari 21). Tubuhkan sekolah kesenian Sudirman Haji Arshad – Aznil Nawawi. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tubuhkan-sekolah-kesenian-sudirman-haji-arshad-aznil-nawawi-199163> pada 24 September 2020.
- Saodah, I. (Ed.). (2019). *Sudirman yang ku kenali*. Kajang: Khutubkata Resources.
- Shamrahayu, A. A. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Siti Shamsiah, M. S. et al. (2020). *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, pemikiran & sumbangan ilmiah*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Sudirman, A. (1991). *Sejarah awal Sudirman*. Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.
- Sudirman, A. (1980). *A Legal Study of copyright protection in Malaysia*. Kertas Projek, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sudirman antara 44 lulus Sarjana Muda Undang2. (1980). *Utusan Malaysia*. Diambil daripada <http://commonrepo.um.edu.my/4862/> pada 21 September 2020.

Sudirman terima gelaran Datuk. (2009, Jun 18). *mStar*. Diambil daripada <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2009/06/18/sudirman-terima-gelaran-datuk> pada 8 September 2020.

Syaida, I. (2019). *Sudirman 27 tahun dalam kenangan, ini 14 gambar menarik penghibur legend negara pada zaman kegemilangannya*. Diambil daripada <https://lobakmerah.com/sudirman-27-tahun-dalam-kenangan-ini-14-gambar-menarik-penghibur-legend-negara-pada-zaman-kegemilangannya/> pada 3 Oktober 2020.

Wartawan Sinar Harian. (2019, Mei 25). Google *doodle* khas untuk Sudirman. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/29839/BERITA/Nasional/Google-doodle-khas-untuk-Sudirman> pada 24 September 2020.

Zainuddin, J. (2007, Ogos 21-22). *Championing the reassertion of the shari'ah in modern time – Comparing Ahmad Ibrahim with 'Abdur Razzaq Al-Sanhuri of Egypt*. Kertas Kerja Prosiding Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah. Hilton Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Zulhisham, I. (2020, Ogos 10). Bendera Malaysia terbalik: Tiada lagi permohonan maaf selepas ini. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/96033/EDISI/Johor/Bendera-Malaysia-terbalik-Tiada-lagi-permohonan-maaf-selepas-ini> pada 8 September 2020.

Zulkifli, H. (2007). *Ahmad Ibrahim (1916-1999) sumbangan dan pemikirannya di dalam sistem perbankan Islam di Malaysia*. Diambil daripada <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/microsoft-word-ahmad-ibrahim-dan-bank.pdf> pada 8 September 2020.